

24 MAY 1996

DR MAHATHIR PULANG DARIPADA LAWATAN KERJA DI LUAR NEGARA

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanahair petang ini selepas berada di luar negara selama 12 hari kerana lawatan kerja ke Jepun, Amerika Syarikat (AS) dan Britain.

Dr Mahathir bertolak dari London di mana beliau menemui rakan sejawatannya, John Major, pemimpin Parti Buruh, Tony Blair yang juga ketua pembangkang dan penuntut-penuntut Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beberapa Menteri Kabinet berada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah untuk menerima beliau.

Semasa lawatannya ke Jepun dan AS, Dr Mahathir mempromosi cadangan Koridor Super Multi Media di Malaysia dan rancangan untuk menjadikan negara pusat teknologi maklumat terkemuka kepada syarikat-syarikat besar.

Beliau juga menemui Presiden Amerika, Bill Clinton dan mengumumkan Malaysia akan menyumbangkan RM25 juta bagi melatih dan melengkapkan tentera Bosnia-Herzegovina dengan senjata. -- BERNAMA

TCL AH PR